




Pensyarah UPM perkasa R&D

Penyelidik UPM tempa nama di luar negara melalui pelbagai pertandingan penyelidikan



Oleh Minarni Mat Saad
mini@bharian.com.my

SEBAGAI sebuah universiti penyelidikan berasaskan sains dan teknologi yang unggul di Malaysia, UPM memberi tumpuan kepada penyelidikan bidang pertanian tropika.

Selaras dengan matlamat menjadikan UPM universiti terkemuka dalam bidang penyelidikan, UPM berjaya mengekalkan reputasi sebagai penerima geran terbanyak di antara institusi pengajian tinggi awam sejak dari awal Rancangan Malaysia ke-9 (2006) sehingga Julai 2008 dengan sumbangan geran berjumlah RM237.8 juta dari pelbagai agensi kerajaan, swasta dan antarabangsa bagi menyokong sebanyak 1715.

Sepanjang tahun 2006-2008, sebanyak RM71.5 juta disalurkan kepada Dana Sains bagi membiayai 436 projek manakala sebanyak RM30.5 juta disalurkan ke geran fundamental bagi membiayai 447 projek.

Justeru bagi menerus dan melonjakkan fungsinya sebagai pusat pendidikan dan penyelidikan pertanian unggul negara, UPM mengubah Bahagian Sumber Agribio pada 2 Januari 2008 di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).

Bahagian itu bertanggungjawab dalam konservasi, penggunaan dan pangkalan data sumber genetik agribio. Bank Agribiogen diwujudkan bagi konservasi pelbagai jenis tumbuhan, haiwan, akuatik dan mikrob bagi tujuan penyelidikan.

Sebuah Muzium semula jadi turut diwujudkan bagi memapar pelbagai jenis herbarium, ziliarium, haiwan dan atropodium. Satu pangkalan data dikenali sebagai ARMS (Agribio Resources Management System) dibina bagi memudahkan penyelidik membuat carian pelbagai jenis flora dan fauna yang ada di Malaysia dan seluruh dunia.

Sepanjang 2007, penyelidik UPM menerbitkan 2,601 jurnal penerbitan, termasuk 706 makalah jurnal berindeks petikan dan 228 jurnal berawak, meningkat sebanyak 11 peratus berbanding 2006.

Satu pencapaian terbaik tahun ini ialah apabila salah seorang penyelidik UPM, Dr Syahrinizam Abdullah, pensyarah dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dan adalah penulis ketiga daripada 22 penulis, berjaya menerbitkan sebuah jurnal bertajuk CpG-free Plasmids Confer Reduced Inflammation and Sustained Pulmonary Gene Expression dalam sebuah jurnal terkemuka iaitu Nature Biotechnology yang mempunyai impak faktor tertinggi pernah dicapai mana-mana penyelidik UPM iaitu 22.627.

Sebagai bukti komitmen UPM dalam meningkatkan penerbitan jurnal, universiti ini meluluskan pembayaran insentif penerbitan berjumlah RM321,167 kepada penyelidik cemerlang dengan Fakulti Kejuruteraan sebagai penerima insentif tertinggi sebanyak RM89,107.

Dalam Malaysia Technology Expo (MTE) 2008 yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra pada 21-22 Februari lalu, penyelidik UPM mencatatkan kejayaan dengan meraih 11 pingat emas,

tujuh perak dan 12 gangsa.

Lebih membanggakan apabila Prof Dr Faridah Abdullah dari Fakulti Sains dipilih untuk memenangi anugerah 'The Very Best Award' sekali gus meletakkan UPM pada kedudukan pertama keseluruhan.

Ini juga adalah kejayaan UPM paling cemerlang dalam pertandingan produk dan penyelidikan peringkat kebangsaan.

Penyelidik UPM juga menempa nama di luar negara melalui pelbagai pertandingan penyelidikan sekali gus membuktikan pensyarah universiti ini mampu bersaing di peringkat global dan tidak hanya menjadi jaguh kampung.

Contohnya, penyelidik UPM mencatatkan kejayaan besar di International Exhibition of Inventions New Techniques and Products Geneva (INTPG) 2008 apabila meraih satu pingat emas, tiga perak dan satu gangsa yang berlangsung pada 2-6 April lalu di Geneva, Switzerland.

Komitmen UPM dalam mengkomersialkan hasil R&D amat ketara. Ini dibuktikan dengan 16 produk dan teknologi bernilai RM28.2 juta berjaya dikomersialkan dan menembusi pasaran antarabangsa iaitu Australia, Sri Lanka, Thailand, Singapura, Iran, Indonesia dan Timor Leste.

Sehingga 2008, sebanyak 30 permohonan paten mendapat kelulusan dan 165 lagi sedang menunggu kelulusan untuk mendapat sijil paten.

INFO

Antara kejayaan yang dicapai universiti ini dan warganya:

- Technology Business Review: Excellence Asean Award 2007 For Education Sector
- Anugerah Kualiti Pengurusan Kewangan (kategori Badan-badan Berkanun) 2007
- Memenangi utama dalam Majlis Anugerah Harta Intelek Negara 2008 bagi kategori individu dan organisasi pada 24 April 2008. Tempat pertama kategori individu dimenangi Prof Dr Raja Noor Zaliha Raja Abdul Rahman dari Fakulti Bioteknologi dan Sains Molekul
- Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Profesor Emeritus Tan Sri Syed Jalaluddin Syed Salim dipilih Tokoh Akademik Negara 2007 kerana sumbangan besar dalam pembangunan pendidikan dan penyelidikan modal insan negara dalam bidang sains, teknologi dan kemanusiaan
- Prof Madya Dr Syed Omar Syed Rastan dipilih sebagai pemenang Anugerah Inovasi dan Pengkomersialan pada Majlis Anugerah Akademik Negara 2007 melalui produk Vitagrow dan Zappa untuk menggalakkan pertumbuhan padi.
- Institut Biosains UPM diumumkan sebagai salah sebuah Pusat Kecemerlangan Kementerian Pengajian Tinggi dalam kluster Sains Hayat.
- Fakulti Perubatan Veteriner UPM adalah fakulti pertama di Malaysia dianugerahkan sijil akreditasi Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) berdasarkan standard MS ISO/IEC MS 17025:2005 daripada Jabatan Standard Malaysia
- Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dianugerahkan Pensijilan MS ISO 9001:2000 bagi kategori pengurusan Penyelidikan dan Pembangunan Pengkomersialan Hasil-Hasil Penyelidikan pada 18 Julai 2008.
- Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan UPM diiktiraf kerajaan Sekolah Perniagaan Utama (Top Business School)

